



AMINUDDIN BAKI

BAPA PENDIDIKAN MODEN MALAYSIA

Dato' Seri Aminuddin Baki ialah individu yang mendapat julukan Bapa Pendidikan Moden Malaysia disebabkan perubahan yang dilakukannya terhadap sistem pendidikan negara. Beliau dilahirkan pada 6 Januari 1926 di Kg. Batu Sembilan, Chemor, Perak, dan mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Chemor, Sekolah Anderson, Ipoh, dan Raffles College, Singapura. Seterusnya, beliau berjaya memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya, Singapura dan mendapat tawaran biasiswa pelajaran Queen Scholarship untuk melanjutkan pelajaran di Institute of Education, University of London. Hasilnya beliau berjaya memiliki Master of Methods dalam bidang Pendidikan.

Dalam kesibukannya menuntut ilmu, Aminuddin Baki turut berkhidmat sebagai guru sambil di Anglo-Malay Evening School dari tahun 1949 hingga 1951. Pada tahun 1950, beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Persatuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS). Setelah tamat pengajian, beliau kembali ke tanah air dan dilantik sebagai pensyarah di Sultan Idris Training College (SITC).

Seterusnya, Aminuddin Baki berkhidmat sebagai pegawai pelajaran dan ketua pegawai pelajaran di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pada tahun 1961, beliau dilantik sebagai Ketua Penasihat Pelajaran Malaysia (kini dikenali sebagai Ketua Pengarah Pendidikan) yang termuda dalam sejarah negara, iaitu pada usia 36

tahun. Kecemerlangan Aminuddin Baki bukan sahaja dalam bidang akademik, bahkan dalam bidang kerjaya. Beliau satu-satunya pegawai yang dipilih untuk menganggotai semua jawatankuasa pendidikan dalam negara bagi mengkaji dan meminda sistem pelajaran negara sebelum dan selepas merdeka.

Antara jawatankuasa yang dianggotai oleh Aminuddin Baki bagi mereformasi sistem pelajaran negara seperti Jawatankuasa Menyiasat Mogok SITC (1950), Jawatankuasa Laporan Barnes (1951), Jawatankuasa Laporan Penyata Razak (1956), Jawatankuasa Laporan Rahman Talib (1960) dan Jawatankuasa Penyata Aminuddin Baki (1960).

Sumbangan Aminuddin Baki

Sumbangan terbesar Aminuddin Baki terhadap sistem pendidikan negara adalah mencadangkan agar diwujudkan sekolah kebangsaan yang menggabungkan semua kaum di bawah satu bumbung yang sama, tujuannya adalah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid yang berbilang kaum dan agama.


Aminuddin Baki juga merupakan pelopor Falsafah Pendidikan Negara dan pengenalan subjek Sejarah Islam dalam sistem pendidikan. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa Laporan Penyata Razak (1956) yang mengkaji dasar pendidikan negara, penekanan terhadap bantuan kerajaan bagi sekolah agama rakyat dan mewajibkan penggunaan bahasa Melayu di semua sekolah agar dapat mewujudkan integrasi nasional.

Di samping itu, Aminuddin Baki turut mencadangkan penubuhan

sekolah menengah kebangsaan dan memastikan sukatan pelajaran yang sama pada peringkat sekolah. Selain itu, beliau berperanan menyusun semula sistem perguruan di Persekutuan Tanah Melayu serta membuka peluang pendidikan yang sama rata kepada semua bangsa di Malaysia tanpa mengira jenis sekolah.

Pada tahun 1963, Aminuddin Baki juga merupakan insan yang menubuhkan Lembaga Peperiksaan Malaysia serta mewujudkan sistem peperiksaan seperti Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Bahkan, beliau juga menyediakan kemudahan belajar yang baik bagi rakyat, pelajaran rendah secara percuma, pendidikan dalam aliran kebangsaan pada peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi, mengembangkan institusi pengajian tinggi negara menjadi lebih pesat, merancang sistem pendidikan guru yang tersusun dan menambah jumlah guru di seluruh Malaysia.

Tanggal 24 Disember 1965, Aminuddin Baki meninggal dunia pada usia 39 tahun akibat serangan jantung selepas selesai solat. Pada 26 November 2015, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah menganugerahkan Darjah Seri Paduka Mahkota Perak kepada Aminuddin Baki yang membawa gelaran Dato' Seri secara anumerta bagi mengenang jasa dan pengorbanannya kepada negara. 

Kata-kata hikmah Aminuddin Baki

Tiada miskin seorang pelajar kerana sedikit harta dan keluarga, tetapi miskin seorang pelajar kerana sedikit ilmu dan amal. Tiada kaya seorang hartawan kerana banyak harta dan keluarga, tetapi kaya seorang hartawan kerana banyak ilmu dan amal.